

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12 JUNE 2016

'Kehadiran bekas PM berkempen tak jejas PAS'

BH-12/6/2016

Kuala Kangsar: Kehadiran Tun Dr Mahathir Mohamad berkempen di Pilihan Raya Kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar tidak akan menjelaskan sokongan pengundi kepada PAS.

Naib Presiden PAS, Idris Ahmad, berkata bekas Perdana Menteri itu kini tidak lagi layak untuk berbicara soal perubahan, apatah lagi untuk mengkritik PAS atau mendakwa PAS sudah diberi dedak oleh Barisan Nasional (BN).

"Yang makan dedak dia dan kroni dia, dia yang mengajar (pemberian dedak).. bermula daripada zaman dialah dalam UMNO dan rakyat sudah mula diberi dedak.

"Sejarah Tun M (Dr Mahathir) dengan PAS memang tak boleh untuk bersetuju, macam malam dan siang. Kita tahu Tun M dendam dengan PAS. Dia tahu dalam deklarasi, PAS tidak bersama dengannya tapi tidak bermakna PAS bersama dengan (Datuk Seri) Najib (Razak)," katanya pada sidang media, petang semalam.

Medan pergelutan

Beliau juga kesal kempen PRK di Kuala Kangsar dan Sungai Besar kini menjadi medan kepada pergelutan sesama parti pembangkang.

Katanya, menjadi sesuatu yang pelik dan tidak pernah berlaku dalam sejarah PRK apabila sesama parti pembangkang kini menentang satu sama lain, biarpun penentangan sepatutnya dituju kepada BN.

Beliau berkata, bagi PAS, ceramah dianjurkan mereka tidak pernah menyerang Parti Amanah Negara namun sekadar menjawab tuduhan dilemparkan parti serpihannya itu.

"Dua PRK kali ini memang menyaksikan satu pertarungan yang pelik dalam sejarah di mana pembangkang serang pembangkang," katanya.



Tun Dr Mahathir kini tidak lagi

layak untuk berbicara soal perubahan, apatah lagi untuk mengkritik PAS atau mendakwa PAS sudah diberi dedak oleh BN"

Idris Ahmad,
Naib Presiden PAS